



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Oktober 2022  
28 Rabiulawal 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 110 kg pukat hantu dikutip di Pulau Perhentian</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Henti jarah hasil laut kami!</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 800 peserta meriahkan pesta tangkap ikan air tawar</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dua bot nelayan Vietnam ditahan, nilai rampasan cecah RM1 juta</li><li>• 20 penyelam kutip 110kg pukat hantu di Pulau Perhentian</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (KK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		11	25.10.22



# Henti jarah hasil laut kami!

## Nelayan Perlis terkilang larangan tangkap siput retak seribu dilanggar nelayan Kedah

**Oleh Abaz Sharif**  
am@hmetro.com.my

**Kangar**

**K**alau dahulu boleh dapat antara RM100 ke RM120 sehari, sekarang nak cebah RM80 pun susah. Pak Jat.

Nelayan negeri ini pernah mengadakan bantahan aman tahun lalu bagi mendesak tindakan lebih tegas diambil ke atas pihak yang menangkap siput retak seribu secara haram di perairan Perlis.

Dessakan itu berhasil apabila penceroboh dikenakan hukuman setimpal sebagai peogajaran, namun ia sama sekali tidak membasmu terus kegiatan apabila ada pihak masih berani menaikkan spesies kerang-kerang.

Bagi nelayan Kuala Perlis, mereka mengesan nelayan tempatan dari luar negeri yang menceroob perairan Perlis untuk menangkap siput retak seribu.

Impaknya besar kepada mereka memandangkan pukuk digunakan merosakkan benih ikan dan udang yang ditangan itu secara haram.

Untuk pengtahuan, Perlis melarang tangkapan siput retak seribu atau siput lala bagi memelihara ekosistem marin dan lesen perikanan untuknya tidak pernah dikeluarkan sejak lebih 30 tahun lalu.

Dikatakan, siput jenis itu ditangkap di kawasan sekitar lapan kilometer dari pesisir pantai sepanjang Kuala Perlis hingga Sungai Baru.

Pihak berkuasa sebelum ini turut dilaporkan mengesan aktiviti itu dijalankan sekitar jam 4 pagi hingga 6 pagi dan kebanyakan nelayan menggunakan bot enjin sangkut.

Bagi nelayan Kuala Perlis, mereka mengesan nelayan tempatan dari luar negeri yang menceroob perairan Perlis untuk menangkap siput retak seribu.

Impaknya besar kepada mereka memandangkan pukuk digunakan merosakkan benih ikan dan udang yang ditangan itu secara haram.

Untuk pengtahuan, Perlis melarang tangkapan siput retak seribu atau siput lala bagi memelihara ekosistem marin dan lesen perikanan untuknya tidak pernah dikeluarkan.

maui beberapa tahun, sekali gus mengurangkan hasil laut untuk sumber makanan negeri.

Nelayan yang mahu dikenali sebagai Ali, 33, berkata, pendapatan mereka terjejas disebabkan aktiviti itu yang merosakkan dan mengurangkan sumber laut Perlis.

"Seperti yang kita tahu, jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak mengeluar lesen menangkap siput retak seribu sejak sekian lama. Jika tidak silap saya sejak tahun 80-an lagi.

"Tindakan berkenaan (tidak keluar lesen) untuk memelihara ekosistem laut di sini terutama benih ikan, udang dan kerang lain yang disemai. Maka, kami sebagai anak jati Perlis faham dan kami beralih dengan menangkap ikan.

"Malangnya ada nelayan Kedah menceroob perairan ini dan tanpa segan silu menjarah hasil laut kami terutama siput retak seribu, walhal lesen tangkapan itu (siput) untuk perairan Kedah, tidak dibenarkan di sini," katanya.

Ali mendakwa kegiatan nelayan itu berluasa sejak dua tahun kebelakangan ini dan semakin kerap.

"Jika kita berada di kawasan Sanglang atau Sungai Baru, malah sejauh Kuala Perlis boleh nampak bot ini memasuki perairan negeri, cuba menangkap siput retak seribu.

"Penguatkuasaan berjelan, cuma kami komuniti nelayan merasakan kegiatan ini ibarat serangan kepada hasil laut kami yang tidak seberapa," katanya.

Sependapat dengan Ali, Pak Jat, 54, berkata, pendapatannya merosot dianggarkan hampir 80 peratus kerana hasil laut berkurangan, lesen daripada tangkapan siput retak seribu.

"Jika dahulu, boleh dikatakan setiap hari kami turun ke laut kerana hasil mewah, namun kini sukar dan pendapatan merosot.

"Kalau dahulu boleh dapat antara RM100 ke RM120 sehari, sekarang nak cebah RM80 pun susah dan kami turun ke laut dua hari sekali sahaja," katanya.

Pak Jat berharap situasi itu berakhir dan tiada pihak tidak bertanggungjawab cuba menjangkau di air keruh.

"Sampai bila hasil laut Perlis nak diratah oleh nelayan Kedah, walhal laut mereka lebih luas dengan hasil melimpah ruah.

"Pergilah memancing dan menangkap ikan di laut negeri sendiri," katanya.

**>>Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.**

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	25/10/22

## 800 peserta meriahkan pesta tangkap ikan air tawar



ANTARA ikan yang ditangkap penduduk sempena pesta menangkap ikan di Estet Ikan Paya Lanar, Lanchang, Temerloh semalam.

**TEMERLOH** – Estet Ikan Paya Lanar, Lanchang di sini, dibanjiri peminat-peminat ikan air tawar seluruh negara sempena penganjuran pertandingan pesta menangkap yang diadakan dua tahun sekali.

Dianggap sebagai acara tradisi bagi penduduk setempat, seramai 800 peserta menyertai pertandingan itu termasuk dari Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kampung Mempatih, Kamarizan Bahardin berkata, peserta sudah lama ternanti-nanti pesta ini selepas

kali terakhir diadakan pada tahun 2019.

“Para peserta tidak melepaskan peluang untuk menjala ikan air tawar dan sanggup meredah lumpur dan berkubang.

“Antara jenis-jenis ikan air tawar yang berjaya dibawa naik oleh peserta antaranya seperti ikan patin, lampam, rohu, tongsan dan baung,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, pesta itu bukan sahaja menggalakkan aktiviti ekopelancongan di kawasan itu, malah turut berjaya mengeratkan hubungan silaturahim sesama penduduk setempat dan peserta.

Seorang peserta, Abd Yazid

Mohd, 38, memberitahu, dia mengambil masa kira-kira dua jam untuk mendapatkan ikan tongsan sisik halus seberat 12.7 kilogram, sekali gus dinobatkan sebagai pemenang kategori ikan terberat.

“Saya memang selalu mencari ikan air tawar ini dan biasa dengan keadaan yang berlumpur macam ini, cuma hari ini banyak persaingan sebab ada ratusan peserta selain penduduk yang turut serta berendam dalam air.

“Alhamdulillah rezeki saya tahun ini, ikan ini saya hendak jual sebab saya juga mendapat banyak ikan patin dan baung,” katanya.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25	25/10/22

## 20 penyelam kutip 110kg pukot hantu di Pulau Perhentian

25/10/22

Sinar Harian Ms 25

**BESUT** - Sebanyak 110 kilogram (kg) pukot hantu dikutip oleh sekumpulan penyelam di sekitar kawasan terumbu karang di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian di sini sepanjang tiga hari bermula Sabtu lalu.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, aktiviti mengutip pukot atau jaring nelayan yang ditemui di dasar laut itu disertai 20 penyelam.

"Program *Ghost Nett* diadakan untuk memelihara kawasan terumbu karang yang mengalami kerosakan akibat pukot hantu. Usaha ini sebagai tanda keprihatinan penyelam untuk menyokong lang-

kah Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang terutamanya di lokasi perlindungan marin supaya ia tidak pupus," katanya ketika dihubungi di sini pada Isnin.

Menurut Nazrul Azlinshah, kesemua pukot hantu yang dikutip akan dibawa ke tanah besar untuk dilupuskan.

"Antara pukot hantu yang dikutip ialah jaring dan tali lama untuk menangkap ikan. Peralatan menangkap ikan seperti pukot, jaring atau jala itu menjadi ancaman haiwan marin kerana ia memerangkap ikan atau habitat karang dan akhirnya memusnahkan habitat dan hidupan laut," katanya.



Antara pukot hantu yang berjaya dikumpul di sekitar kawasan terumbu karang di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian, Besut baru-baru ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		32	25/10/22

# 110 kg pukak hantu dikutip di Pulau Perhentian

utusan malaysia  
25/10/22 ms/32

**BESUT:** Sebanyak 110 kilogram (kg) pukak hantu dikutip dalam Program Ghost Net iaitu aktiviti membersihkan kawasan terumbu karang yang dijalankan sekumpulan penyelam di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian sejak Sabtu lalu.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, semua pukak hantu itu dikutip sukarelawan terdiri daripada 20 penyelam dari agensi kerajaan dan swasta.

“Program ini diadakan untuk memelihara kawasan terumbu karang yang mengalami kerosakan disebabkan oleh pukak hantu yang menjadi ancaman haiwan marin di dasar laut.

“Gotong royong ini adalah tanda keprihatinan penyelam untuk menyokong usaha Cawangan Taman Laut Penguru-



**SEKUMPULAN** penyelam menunjukkan pukak hantu yang berjaya dikutip di dasar laut Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

san dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang terutamanya di lokasi perlindungan marin supaya terumbu karang di Pulau Perhentian tidak mengalami kepupusan,” katanya.

Pukak hantu merujuk kepada

peralatan menangkap ikan seperti pukak, jaring atau jala yang ditinggalkan atau tertinggal secara tidak sengaja yang menjadi ancaman haiwan marin kerana ia memerangkap ikan atau habitat karang dan akhirnya memusnahkan sumber perikanan.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR				NANYANG SIANG PAU
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN				ORIENTAL DAILY
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL				PELBAGAI
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		27	
							25/10/22	

## Dua bot nelayan Vietnam ditahan, nilai rampasan cecah RM1 juta

Sinar Harian 25/10/22 ms 27

**KUALA TERENGGANU** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan dua bot nelayan asing Vietnam dalam rondaan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat di sekitar perairan Terengganu pada Sabtu.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Terengganu, Komander Maritim Ariffin Ghazali berkata, bot tersebut ditahan pada jam 4.30 petang di kedudukan kira-kira 44.5 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Menurutnya, kedua-dua bot ditahan ketika sedang bertambat antara satu sama lain.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua bot tersebut dikendalikan 12 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia 21 hingga 63 tahun tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Tekong dua bot tersebut juga gagal

mengemukakan sebarang dokumen kebenaran yang sah dan disyaki telah melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan Malaysia.

"Antara yang dirampas ialah bot, pelbagai hasil laut termasuk sotong dan sotong kering serta diesel dengan nilai rampasan keseluruhan bagi dua bot kira-kira RM1 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Ariffin berkata, bot bersama 12 kru, tekong dan hasil tangkapan telah ditahan serta diiring ke Jeti Pusat Tahanan Vesel, Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana mencero boh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Sotong kering yang ditemui dalam bot nelayan asing Vietnam berkenaan.

